

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HIA 101 Pengantar Pengajian Islam

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.**

Jawab TIGA (3) daripada soalan-soalan berikut:

1. Dalam abad kedelapan belas, ada beberapa orang ahli fikir Perancis mengatakan bahawa fenomena beragama adalah direka oleh golongan tertentu untuk kepentingan sendiri. Bincangkan pandangan ini secara ilmiah dan kritis daripada aspek-aspek berikut:
  - [a] Suasana abad pertengahan di Eropah yang menimbulkan pandangan seperti yang tersebut;
  - [b] Kesilapannya daripada sudut ilmiah;
  - [c] Kecenderungan beragama sebagai keperluan tabi'i manusia.
  
2. Al-Qur'an adalah Kitab yang diwahyukan Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai panduan hidup yang sempurna bagi manusia. Bincangkan tentang al-Qur'an daripada sudut-sudut berikut:
  - [a] Mu'jizatnya;
  - [b] Cara penurunannya;
  - [c] Kesahihannya.

3. Agama Islam menuntut umatnya mempercayai kepada Hari Akhirat sebagai salah satu rukun Iman yang enam. Terangkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti berikut:
- [a] Keperluan percaya kepada Hari Akhirat;
  - [b] Dalil-dalil naqli dan 'aqli tentangnya;
  - [c] Akibat sikap tidak mempercayainya terhadap individu dan masyarakat.
4. Dalam sebuah hadith, Rasul Allah S.A.W. menyatakan bahawa perkara halal yang paling dibenci Allah ialah perceraian. Jawab soalan-soalan yang berkaitan dengan perceraian seperti berikut:
- [a] Langkah-langkah yang dianjurkan dalam Islam untuk mengelak daripada berlakunya perceraian;
  - [b] Perbezaan antara Talaq, Khulu' dan Fasakh;
  - [c] Kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh umat Islam dalam masalah perceraian.
5. Berdasarkan kepada apa yang telah anda pelajari tentang persoalan-persoalan Jinayat dalam Islam, huraikan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti berikut:
- [a] Perbuatan-perbuatan jenayah yang dikenakan hukuman hudud;
  - [b] Aturan-aturan umum yang ditetapkan di dalam Islam bagi mensabitkan hukuman jenayah;
  - [c] Hukuman yang dikenakan ke atas jenayah curi dan rahsia di balik hukuman tersebut.